

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR NIK MAZIAN B NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]
TARIKH : 19 MEI 2016
SOALAN :

YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan pencegahan penyakit Tibi di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pencegahan penyakit tibi melibatkan aktiviti pengesanan awal kes tibi terutama kes tibi pulmonari jenis berjangkit (tibi pulmonari smear positif) dan juga merawat kes tibi secepat mungkin sehingga sembuh supaya tidak menjangkiti orang lain. Aktiviti pengesanan pesakit tibi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Melakukan pemeriksaan kahak ke atas pesakit yang mempunyai tanda dan gejala Tibi yang mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Sepanjang tahun 2015, sejumlah 40,042 pesakit (liputan 2330/100,000 penduduk) telah dibuat pemeriksaan kahak;
- ii. Pemeriksaan x-ray dada ke atas golongan berisiko tinggi mendapat penyakit tibi seperti kontak kepada pesakit tibi, pesakit diebetis mellitus, pesakit yang menjalani dialisis, pesakit HIV, warga emas, perokok dan pesakit paru-paru kronik (chronic obstructive airway disease). Sepanjang tahun 2015, Kelantan telah menyaring sejumlah 16,006 pesakit berisiko ini; dan
- iii. Pengesanan kes tibi di institusi warga emas seperti di pondok pondok agama dan di lokaliti yang melaporkan bilangan pesakit tibi yang tinggi. Pada tahun

2015, sebanyak 63 lokaliti telah dibuat saringan penyakit tibi tetapi tiada pesakit tibi dikesan.

Aktiviti pengesanan penyakit tibi telah dipertingkatkan dari tahun ke setahun dengan 69 buah fasiliti kesihatan (kerajaan dan swasta) yang boleh mendiagnos dan merawat tibi di Kelantan . Namun begitu bilangan pesakit kes yang dikesan Kelantan pada tahun 2015 adalah 1233 kes menurun berbanding tahun 2014 sebanyak 1366 kes tibi di kesan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kes– kes tibi yang telah dikesan perlu dirawat dengan sempurna untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti. Pada tahun 2015, kadar sembah kes tibi Kelantan adalah 87%, meningkat berbanding tahun 2014 (84%) dan telah mencapai sasaran WHO 85%. Walau bagaimanpun kadar kematian tibi Kelantan pada tahun 2015 adalah 5.3/100,000 penduduk masih tinggi berbanding sasaran WHO iaitu < 3/100,000.

Bagi memastikan pesakit tibi dirawat dengan sempurna dan mengurangkan kadar kematian, pesakit tibi dirawat secara DOT (Directly Observed Treatment) yang diselia oleh kakitangan kesihatan atau penyelia di kalangan ahli keluarga yang dilatih sekiranya pesakit tidak mampu datang ke fasiliti kesihatan setiap hari untuk memakan ubat tibi. Bagi pesakit tibi yang memerlukan rawatan di dalam wad, pesakit tibi di tempatkan di Hospital Tumpat yang merupakan hospital penyakit berjangkit yang dilengkapi dengan bilik bertekanan negatif untuk mengawal jangkitan.

Tuan Yang di-Pertua

Dengan adanya kemudahan peralatan yang lebih canggih dan kepakaran untuk mendiagnos penyakit tibi seperti:

- i. Mikroskop flurosen (37 buah di seluruh Kelantan);
- ii. Mesin Gene Expert di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) ;
- iii. Makmal Kesihatan Awam di Perol yang menyediakan perkhidmatan pendiagnosan tibi menggunakan teknik molecular;
- iv. Dua (2) orang Pakar Perubatan Respiratori di HRPZ II; dan
- v. Dua puluh (20) orang Pakar Perubatan Keluarga di tempatkan di setiap daerah.

Pencegahan dan kawalan penyakit tibi di Kelantan telah dipertingkatkan dan akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa.